

# Henti ceroboh Blue Lagoon, kekalkan kepelbagaian biologi

Nurul Ezzaty  
Mohd Azhari,  
Universiti Putra  
Malaysia

**Jika** diperhatikan kebelakangan ini, ramai netizen gemar memuat naik apa yang disebut sebagai 'permata tersembunyi' atau 'hidden gems'. Ada sesetengahnya berkongsi mengenai sungai, gunung, bukit bukau, malah pasar malam yang mempunyai seribu satu tarikan tetapi kurang dikenali.

Disebabkan ia kurang dikenali, apabila dimuat naik dalam media sosial dengan sentuhan suntingan video dan muzik, sangat mudah untuk menarik perhatian umum. Justeru kawasan itu yang dulunya kurang dikenali mula meriah dengan kunjungan orang ramai.

Hal ini bukanlah dilarang, namun dalam berkongsi perkara seumpama itu, setiap daripada kita harus tahu batasnya. Misalnya, disebabkan keinginan untuk berkongsi 'hidden gems' ini ada sebahagian kita yang melakukan aktiviti jelajah hutan hingga menceroboh kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK).

Keghairahan mereka meneroka HSK akhirnya menyebabkan kerosakan. Pokok di kawasan itu tentu saja bernilai tinggi dari pelbagai segi, tapi sayang sesuka hati dicantas dan dipotong bagi membina laluan buat si penceroboh yang teruja untuk menikmati keindahan hutan, kesan daripada paparan media sosial.

Tindakan sedemikian tentu saja mengancam kelestarian alam sekitar dan ekosistem habitat di situ, malah boleh dilihat sebagai pencerobohan HSK. Larangan masuk ke HSK dan hukuman berbuat demikian yang dipasang sedikit tidak diendahkan. Malah ada yang mencabutnya dan masuk ke HSK tanpa permit.

Misalnya kawasan lubuk kawah atau Blue Lagoon di Hutan Simpan Ayer Hitam (HSAH), di Puchong, yang lebih dikenali orang ramai sebagai Wawasan Hiking Trail atau Kinrara Hiking Trail, kerap dicerobohi orang awam.

Hutan dengan keluasan 1182 hektar itu dianugerahkan melalui perjanjian kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai kawasan penyelidikan, pendidikan dan pengembangan. Ia bukanlah untuk aktiviti rekreasi. Namun ia kerap dicerobohi terutama pada hujung minggu atau musim cuti perayaan. Laluan masuk ke situ dibuat secara haram oleh penceroboh. Kedudukan-

nya yang dikelilingi kawasan pembangunan menyebabkan ia selalu dicerobohi daripada setiap penjuru.

Blue Lagoon yang terdapat di dalam HSAH memang memukau mata memandang kerana airnya yang kebiruan, namun dalam masa sama ia mempunyai kedalaman hampir 20 kaki dan pernah meragut nyawa.

## Bukan kawasan rekreasi

Sebenarnya kawasan itu perlu dipelihara, misalnya kualiti air di situ perlu dijaga dan dikawal kerana aktiviti rekreasi tanpa kawalan apatah lagi pencerobohan menyebabkan airnya akan tercemar menjadi punca kencing tikus, sekali gus membahayakan nyawa pelajar yang membuat penyelidikan di situ. Apa yang berlaku, pencerobohan orang awam bukan saja menjejaskan kualiti air, malah meninggalkan sisa kotoran seperti sampah sarap dan unggun api.

Sebenarnya UPM diberi kebenaran oleh Kerajaan Selangor pada 1996 untuk mengurus dan menjalankan aktiviti berunsurkan pendidikan, penyelidikan dan pengembangan perhutanan selama 99 tahun di situ. HSAH menjadi satu-satunya hutan yang masih ada di Puchong serta menjadi agen penyerap karbon terbesar di Lembah Klang.

Justeru ia seharusnya dilindungi kerana setiap kawasan hutan ini memiliki ekosistem yang unik, flora dan fauna endemik. Jadi ia perlu dijaga bagi mengekalkan kepelbagaian biologi. HSAH adalah rumah kepada tumbuhan endemik iaitu pokok merawan meranti. Sekiranya kawasan itu dibangunkan bagi kegiatan pembangunan maka tiada lagi wujud merawan meranti bukan saja di Selangor tetapi di Malaysia.

Kehilangan hutan ini juga akan menyebabkan kepupusan habitat fauna untuk berlindung bahkan spesies Harimau Malaya turut pernah dilaporkan berada di hutan ini, namun sudah pupus. Sebelum ini penyelidik pernah menjumpai kesan cakaran haiwan liar mamalia besar. Malah terdapat rekod melalui 'camera trap' yang merakamkan mamalia besar yang lain sekitar hutan.

Rondaan berkala bersama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan beberapa agensi bertanggungjawab sentiasa dilaksanakan bagi memastikan integriti kawasan hutan ini terus dipelihara.

Sungguhpun HSAH tidak dibuka kepada orang awam untuk melakukan aktiviti rekreasi, namun aktiviti pemindahan ilmu dan kelestarian alam sekitar seperti penanaman pokok hutan sentiasa dibuka kepada semua dan permohonan boleh dibuat melalui Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FHAS) UPM.



Blue Lagoon yang terdapat di Hutan Simpan Ayer Hitam adalah di bawah seliaan UPM. (Foto IG UPM)